

30 JUL 2002

LID-Pangkalan data/I

CPTM PELAWA RAKAN PINTAR UNTUK REKOD PANGKALAN DATA "BERGERAK"

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Dialog Perkongisan Pintar, sebahagian daripada Dialog Antarabangsa Langkawi 2002 (LID) yang bermula Khamis ini, memberi peluang kepada mereka yang berminat untuk merekodkan mesej masing-masing melalui pangkalan data rakan pintar "bergerak".

Mereka yang mahu mengambil bahagian dalam pangkalan data berkenaan hanya perlu meluangkan masa lima minit daripada jadual ketat pada persidangan itu dan menyatakan profil peribadi masing-masing (termasuk pengalaman dan kemahiran mereka), bagaimana mereka mengetahui pergerakan Perkongsian Pintar dan saat yang paling manis sebagai rakan kongsi Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Dalam satu kenyataan, CPTM berkata para peserta pangkalan data "bergerak" itu akan merakamkan data mereka secara digital pada filem, direkodkan dan dipamerkan di setiap LID, yang kini merupakan edisi keempat.

LID biasanya diadakan dua tahun sekali sejak 1995.

"Pangkalan data itu bertujuan membolehkan para anggota di semua rangkaian kita dapat mengenali sesama sendiri dengan lebih dekat. Kita akan mengadakan kompilasi mengenai apa yang diperkatakan dan mengedarkannya di kalangan semua Rakan Pintar," kata CPTM.

Mereka yang telah menyertai pangkalan data Rakan Kongsi Bergerak itu termasuk Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Presiden Uganda Yoweri Museveni, bekas presiden Botswana Sir Ketumile Masire, Pengerusi CPTM Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman dan Ketua Eksekutif CPTM Datuk Dr Mihaela Smith.

CPTM merupakan satu kerjasama unik bagi negara Komanwel dan yang lainnya, membawa bersama kerajaan, sektor swasta dan individu dengan sumbangan tertentu untuk mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Walaupun diwujudkan sejak 1984, penubuhannya dalam bentuk sekarang sebagai syarikat terhad bukan mencari keuntungan dengan jaminan dan tanpa pemegangan saham.

Ia diberi tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan nasihat dalam pengurusan teknologi kepada negara-negara Komanwel.

Firma berkenaan diwujudkan dengan persetujuan Ketua-Ketua Kerajaan Negara Komanwel, berikutan keputusan di Mesyuarat Limasol (Cyprus) pada 1993 untuk menyusun semula bekas Kumpulan Perundingan Komanwel Mengenai Pengurusan Teknologi.

-- BERNAMA

SR SHY SD NHD LAT